

# Saman pengusaha ternakan ikan sungai terhadap Media Mulia ditolak

UM 4/9/24 Pg 10

Oleh NORLIZAH ABAS  
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Mahkamah Sy-syen di sini menolak tuntutan saman seorang pengusaha perniagaan ternakan ikan sungai di Perak terhadap Media Mulia Sdn. Bhd. berhubung artikel yang didakwa berunsur fitnah, dua tahun lalu.

Hakim Sazlina Safie menolak saman dikemukakan Mariah Ghazali terhadap syarikat penerbitan akhbar ini dan memerintahkannya membayar kos RM20,000.

Mariah selaku plaintif yang juga pemilik tunggal Marzamri Resources beralamat di Kampung Bidara, Bukit Chupak, Parit menamakan Media Mulia sebagai defendan dalam tuntutan saman tersebut.

Dalam keputusan yang diumumkan pada 28 Jun lalu, mahkamah berpuas hati artikel bertarikh 22 Julai 2022 dan 9 Ogos 2022 tidak berunsur fitnah sebaliknya merupakan fakta benar yang diakui Mariah selaku saksi plaintif pertama (SP1).

Sazlina berpuas hati, Mariah dalam keterangannya mengaku bahawa warga Kemboja menjalankan penternakan ikan secara berleluasa di kawasan itu tanpa mengikut undang-

## Warga Kemboja kuasai pasaran ikan



SANGKAR ternakan ikan yang dikuasai warga Kemboja di Sungai Perak ketika banjir di Parit, baru-baru ini. (UTUSAN MALAYSIA SAZELI BIDIN)

## KERATAN Utusan Malaysia yang menyiarkan artikel bertajuk 'Warga Kemboja kuasai pasaran ikan air tawar' pada 25 Julai 2022.

undang, mencemarkan sungai, menawarkan harga lebih rendah selain memonopoli pasaran ikan sangkar di Perak.

Hakim turut berpendapat, plaintif gagal membuktikan bahawa gambar bangsal yang disiarkan dalam artikel itu merujuk kepadanya.

"SP1 bersetuju bangsal dan sangkar tersebut tidak mempunyai sebarang logo Marzamri Resources atau wajah SP1 mahupun tanda perniagaan yang boleh mengaitkan pembaca merujuk kepadanya.

"Penerbitan tersebut merujuk kepada fakta yang betul dan disahkan, bukan memfitnah

atau merujuk kepada plaintif. Ia dibuat atas dasar tanggungjawab defendan melaporkan isu yang benar berlaku.

"Laporan tersebut dibuat dengan baik dan menyeluruh selepas 'turun padang' untuk mendapatkan pandangan penduduk tempatan yang terkesan," demikian menurut penghakiman bertulis bertarikh 30 Ogos lalu yang diperoleh pihak media daripada laman web mahkamah, semalam.

Artikel bertajuk 'Warga Kemboja kuasai pasaran ikan air tawar' itu disiarkan dalam laman sesawang *Utusan Malaysia* dan laman sosial Facebook pada

25 Julai 2022 yang antara lain mendakwa penggunaan perut ayam sebagai makanan ikan menyebabkan pencemaran sungai dan bau busuk.

Artikel kedua bertajuk 'Sangkar ikan disewa warga Kemboja' disiarkan dalam akhbar *Utusan Malaysia* pada 9 Ogos 2022. Plaintif mendakwa, kedua-dua artikel mengguna pakai gambar bangsal dan sangkar ikan miliknya.

Dalam tuntutan saman itu, Mariah mendakwa, penyiaran dan penerbitan dalam akhbar *Utusan Malaysia*, laman sesawangnya serta akaun *Utusan Online* di aplikasi Facebook mengandungi pernyataan memfitnah.

Wanita itu menyatakan, penerbitan artikel itu disertai dengan gambar bangsal dan sangkar ikannya, boleh diakses secara umum oleh jutaan rakyat negara ini khususnya rakan industri perikanan.

Ujar Mariah, kata-kata yang dirujuk dalam penerbitan itu difahamkan membawa maksud bahawa dia seorang pendatang asing tanpa izin dari Kemboja dan visanya telah tamat tempoh.

Menurut Mariah, artikel itu juga antara lain membawa maksud dia memujuk penduduk tempatan yang memiliki ta-

nah supaya membenarkannya mengoperasikan perniagaan penternakan ikan dan akuakultur secara haram di situ.

Ujarnya, artikel itu juga didakwa membawa maksud plaintif mengoperasikan perniagaan penternakan ikan dan akuakultur dengan cara kotor melalui penggunaan perut ayam berbanding penggunaan pellet sehingga mencemarkan Sungai Perak.

Menurut Mariah, meskipun plaintif melalui peguam caranya menghantar notis tuntutan agar penerbitan itu dipadam dan syarikat tersebut membuat permohonan maaf, defendan masih enggan berbuat demikian hingga kini.

Plaintif antara lain menuntut ganti rugi keseluruhan berjumlah RM500,000 dan injunksi menghalang defendan menerbitkan atau menyebabkan ayat atau gambar berunsur fitnah terhadap plaintif.

Media Mulia dalam pembelaannya menegaskan, artikel berkenaan menyentuh kepentingan awam dan tidak terhad kepada isu warga Kemboja yang menguasai pasaran ikan air tawar di Perak.

Plaintif bagaimanapun telah mengemukakan rayuan terhadap keputusan mahkamah tersebut.